

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]**

**SOALAN**

**PUAN NOORITA BINTI SUAL** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa jumlah dan kos penyelenggaraan tahunan terkini bagi tabika KEMAS di negeri Sabah. Daripada jumlah keseluruhan ini, berapa jumlah tabika dan jumlah kos penyelenggaraan tabika bagi kawasan Tenom.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Sehingga Oktober 2021, Kementerian melalui KEMAS memperuntukkan sebanyak RM1.048 juta bagi penyelenggaraan 57 buah TABIKA KEMAS di seluruh negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, Parlimen Tenom hanya mendapat satu (1) projek sahaja.

Kementerian melalui KEMAS akan memastikan TABIKA KEMAS di seluruh negara sentiasa berada di dalam keadaan yang selamat dan kondusif sepanjang masa. KEMAS juga sentiasa memantau keadaan fizikal bangunan TABIKA melalui Pemantauan Pengurusan yang dilaksanakan sepanjang tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[PERMATANG PAUH]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) usaha Kerajaan mewujudkan indeks kemiskinan multidimensi yang mampu diiktiraf Laporan Pembangunan Manusia PBB; dan
- (b) usaha Kerajaan menggunakan indikator yang lebih anjal serta mengambil kira impak COVID-19 untuk menggambarkan realiti sebenar kemiskinan, yang bakal digunakan dalam penurunan bantuan agensi Kerajaan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh RMKe-12, Kerajaan akan menambah baik kaedah dasar mengukur kemiskinan dengan memperluas dimensi dan indikator kemiskinan pelbagai dimensi (MPI). Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah dan sedang membuat libat urus dengan badan-badan antarabangsa seperti Bank Dunia, dengan izin, *United Nations Development Programme* di Malaysia dan *Oxford Poverty & Human Development Initiative* untuk memastikan MPI di Malaysia diiktiraf.

2. Kerajaan juga akan membangunkan MPI untuk membantu proses membuat keputusan berasaskan bukti pada semua peringkat perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian inisiatif untuk mengurangkan kemiskinan. MPI akan diguna pakai oleh semua pihak berkepentingan dalam merangka program yang mengambil kira ketersisihan dan keperluan isi rumah bagi pelaksanaan yang lebih bersasar dan berkesan. Akibat impak COVID-19, ketersediaan jalur lebar dan kemudahan peranti dalam isi rumah akan dipertimbang untuk disenaraikan dalam indikator dan dimensi MPI yang sedang dikemas kini.

Sekian, terima kasih.